

Wasiyyah Dot Com lancar Pesanku

KUALA LUMPUR - Wasiyyah Dot Com, anak syarikat Raffcomm Sdn. Bhd. melancarkan platform dokumentasi online, Pesanku bagi memberi kemudahan buat pengguna mendokumentasikan wasiat, hibah dan harta sepencarian secara online.

Pelancaran platform baharu itu disempurnakan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail di sini semalam.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Raffcomm, Datuk Md. Afendi Hamdan berkata, Pesanku membolehkan pengguna mendokumentasi-

kan urusan wasiat mereka pada bila-bila masa menerusi laman web www.pesanku.my.

Jelasnya, berdasarkan rekod Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian melalui Bahagian Pembangunan Pusaka, pada 2016 terdapat kira-kira RM60 bilion nilai harta tidak dituntut oleh waris si mati sejak Malaysia mencapai kemerdekaan.

"Kurangnya kesedaran masyarakat mengenai kepentingan dokumentasi wasiat, hibah dan harta sepencarian adalah antara faktor utama pembekuan aset umat Islam.

"Sewajarnya, masyarakat perlu

menyimpan dokumen harta, dokumen waris-waris dan dokumen lain yang penting dalam satu dokumentasi khusus supaya waris harta pusaka dengan mudah terlepas berliku kematian," katanya menerusi siaran akhbar yang dikeluarkan semalam.

Menurut Md. Afendi, pihaknya komited untuk menambah baik Pesanku berdasarkan maklum balas pengguna sebagai pemain baharu dalam industri.

"Kami merancang memperkalkan ciri keselamatan digital terkini pada Pesanku dalam tempoh terdekat," katanya.



SAIFUDDIN (belakang empat dari kiri) bergambar bersama kakitangan Raffcomm pada Majlis Perasmian Pesanku di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur semalam.